

LATIHAN 1

Nyatakan jenis ayat-ayat di bawah sama ada Ayat Tema, Ayat Rangsangan atau Ayat Arahan.

BIL	AYAT	JENIS AYAT
1	<i>Dalam meniti arus pemodenan, amalan menabung merupakan amalan mulia yang perlu dipupuk sejak kecil lagi.</i>	
2	<i>Jelaslah bahawa, usaha-usaha yang drastik perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk membendung masalah ini daripada terus bereleluasa.</i>	
3	<i>Pada era globalisasi kini, amalan hidup sihat sangat penting untuk dipraktikkan oleh segenap lapisan masyarakat di negara kita.</i>	
4	<i>Belakangan ini, kes kemalangan jalan raya di negara kita semakin meningkat saban tahun.</i>	
5	<i>Apabila kesihatan terjamin, seseorang itu akan dapat menjalani kehidupan seharian dengan lebih berkualiti.</i>	
6	<i>Persoalannya, apakah langkah-langkah yang berkesan untuk mengamalkan gaya hidup sihat ini? Tepuk dada tanya selera.</i>	
7	<i>Ibu bapa sewajarnya menerapkan amalan menabung kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi.</i>	
8	<i>Saban hari kita dapat membaca berita tentang kemalangan yang bukan sahaja mengakibatkan kecederaan malahan kehilangan nyawa.</i>	
9	<i>Oleh hal yang demikian, kebaikan amalan menabung yang mewarnai fokus perbincangan akan dikupas secara terperinci untuk kepentingan bersama</i>	